

19/09/2002

Kedutaan Amerika keluar visa tertangguh

KUALA LUMPUR, Rabu - Kedutaan Amerika Syarikat di sini akan mengeluarkan beberapa ratus visa kepada pelajar Malaysia yang menghadapi masalah kerana kelewatan kelulusan permohonan mereka sebelum ini.

"Kami dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Kedutaan Amerika sudah menerima kebenaran untuk mengeluarkan beberapa ratus visa yang tertangguh.

"Sehubungan itu, kami meminta pemohon supaya tidak menelefon bahagian visa beberapa hari lagi bagi mempercepatkan proses menghubungi dan mengeluarkan visa kepada mereka," kata kedutaan itu, dalam satu kenyataan hari ini.

Kedutaan itu berkata, pihaknya lega kerana Timbalan Perdana, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berpeluang membincangkan isu itu dengan beberapa pegawai kerajaan Amerika di Washington semalam.

Kelmarin, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin berkata kira-kira 150 pelajar lelaki Malaysia yang pulang bercuti gagal meneruskan pengajian mereka di Amerika kerana keengganan negara itu mengeluarkan visa kepada mereka sejak bulan lalu.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata Malaysia mungkin mencari destinasi alternatif bagi pelajar berkenaan supaya pendidikan mereka tidak tergendala.

Kedutaan Amerika menjelaskan, jumlah rakyat negara ini yang ingin belajar di universiti di Amerika tetapi masih gagal mendapat visa amat sedikit dan keadaan itu tidak berbeza berbanding tahun lalu kecuali tempoh untuk memproses permohonan.

"Amerika tidak menjadikan bangsa, agama atau jantina sebagai kriteria untuk mengeluarkan atau menafikan visa. Bagaimanapun, sebilangan permohonan visa dari seluruh dunia tertakluk kepada pemeriksaan tambahan latar belakang dan keselamatan," kata kenyataan itu.

Nota dalam kenyataan itu menyatakan, bahagian visa bukan imigran ditutup esok dan lusa kepada kes yang memerlukan temu duga bagi memproses pengeluaran visa yang sudah diluluskan itu.

Bagaimanapun, permohonan kecemasan akan tetap diterima berdasarkan kes pada kedua-dua hari berkenaan.

"Pemohon visa yang tidak diarah untuk datang bagi temu duga boleh mengemukakan pasport dan dokumen sokongan minggu ini untuk proses biasa menerusi ejen pelancongan yang dibenarkan atau di pintu utama kedutaan," jelas nota itu.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menjelaskan, 149 pelajar tajaannya yang lewat mendapat visa adalah pelajar baru dijadualkan mendaftar di Universiti Ohio awal bulan ini.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Hasniah Rashid, berkata setakat ini 60 pelajar perempuan tajaan JPA sudah mendapat visa dan berada di Amerika untuk mendaftar di universiti itu sejak Ogos lalu.

Katanya, JPA berharap pelajar tajaannya yang mendapat peluang menyambung pengajian ke luar negara dapat meneruskan hasrat itu dan tidak lemah semangat dengan masalah yang dihadapi.

"JPA sudah menguruskan masalah visa dan daftar masuk, jadi tidak timbul isu yang mengatakan mereka tidak akan dapat meneruskan pengajian di sana," katanya ketika dihubungi.

Difahamkan, lima daripada 149 pelajar tajaan JPA itu sudah mendapat visa bulan lalu dan akan berlepas ke Amerika, Selasa depan.

Bagaimanapun, baki 144 pelajar lagi dijangka dapat meneruskan pengajian

masing-masing pada kemasukan sesi Januari 2003 hasil persetujuan pentadbiran Universiti Ohio untuk menangguhkan kemasukan mereka.

Semua pelajar lelaki yang tidak mendapat visa itu adalah pelajar baru yang sepatutnya meneruskan pengajian dalam bidang kejuruteraan. Mereka kini ditempatkan di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam.

JPA dikatakan turut menawarkan pilihan kepada pelajar terbabit untuk meneruskan pengajian di Australia dan New Zealand tetapi mereka belum membuat keputusan.

Difahamkan seramai 108 pelajar perempuan tidak menghadapi masalah mendapat visa pendidikan dan kesemuanya sudah berlepas ke Amerika pada 16 Ogos lalu.